

Seremban: Larangan terhadap pengambilan kerang-kerangan (dwicengkerang) dari perairan Port Dickson di sini masih lagi dikuatkuasakan demi keselamatan pengguna, kata Pengarah Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Sembilan Kasim Tawe.

Beliau berkata ini berikutan sampel ketiga kupang dan air dari perairan berkenaan yang di analisis di makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur (PBPKL) didapati masih terdapat biotoksin melebihi kadar se-

Larangan ambil cengkerang masih dikuatkuasakan: DOF

lamat untuk dimakan.

“Sampel keempat kupang dan air diambil sekali lagi di perairan Port Dickson dan telah dihantar ke makmal PBPKL semalam dan dijangka keputusan analisis makmal akan diketahui pada 26 April

“**Sampel keempat kupang dan air diambil sekali lagi**
Kasim

nanti,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Pada 4 April lalu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) DOF Wan Aznan Abdullah dilaporkan berkata hasil analisis mak-

mal PBPKL mendapati terdapat alga berbahaya yang menyebabkan kupang di perairan Port Dickson dicemari dan tidak selamat dimakan.

Beliau berkata sampel air dan kupang di perairan tersebut dicemari biotoksin serta alga spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* berbahaya.